

ULASAN BUKU

Judul: Asas Pendidikan Islam dan Kaedah-kaedahnya

Penulis : Abdul Rahman al- Nahlawi

Penerbit: Dar al-Fikr, Damsyik, Syria

Cetakan kedua: 1983

Jumlah halaman : 304

Judul asal: *Usul al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa asālibuhā.*

Pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Tanpa pendidikan, masyarakat umumnya akan hidup dalam kemunduran disamping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa. Selaras dengan kepentingannya, maka ianya perlu dijadikan satu agenda penting yang wajar dilaksanakan menurut landasan yang sewajarnya.

Penulisan tentang pendidikan Islam bukanlah satu penerokaan bidang baru, bahkan ramai daripada penulis yang telah mengkaji dan mengupas tentang tajuk ini. Akhir-akhir ini kecenderungan membicarakan bidang ini telah menjadi topik utama. Usaha untuk melahirkan sistem pendidikan yang berteraskan Islam merupakan langkah yang harus dipuji dan disokong oleh pelbagai pihak. Oleh itu kelahiran buku ini amatlah bertepatan sebagai langkah pembangunan insan dalam menghadapi krisis nilai hasil dari konsep aliran pendidikan yang tidak tentu hala tuju dan matlamatnya.

Memahami dan mendalami falsafah pendidikan Islam merupakan suatu proses yang mengarah kepada pemahaman tentang kewajiban dan tanggungjawab manusia dalam melaksanakan amanah sebagai khalifah di muka bumi ini. Oleh itu, falsafah pendidikan yang diterapkan mestilah memaparkan pendekatan yang komprehensif agar memberikan gambaran dan dimensinya yang tersendiri supaya proses pembangunan insan mencakupi aspek fizikal, spiritual, intelektual dan moral ke arah mencapai wawasan hidup yang cemerlang.

Buku "Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa asalibuhā" dalam bahasa Arab yang boleh diterjemahkan sebagai "Asas pendidikan Islam dan kaedah-kaedahnya" karangan Abdul Rahman al-Nahlawi cuba mengetengahkan perbezaan yang ketara antara sistem pendidikan Islam dan Barat. Keistimewaan tentang pendidikan Islam, objektif dan kaedah-kaedahnya diterangkan secara tersusun supaya mencapai maksud bagi melahirkan belia-belia yang memahami hakikat sebenar sistem pendidikan Islam.

Sebanyak enam bab diketengahkan oleh penulis untuk membahaskan tentang elemen yang bersangkutan dengan pendidikan Islam. Bab satu membicarakan tentang Islam dan pendidikan yang turut membahaskan tentang pengertian, konsep dan kaitannya

dengan Islam. Bab ini juga menerangkan bahawa pendidikan Islam merupakan isu kemanusiaan sejagat.

Oleh kerana pendidikan Islam mesti bertunjangkan kepada sumber yang jitu dan kukuh, bab dua membicarakan tentang sumber-sumber pendidikan Islam yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah. Kedua-dua teras ini menjadi asas kekuatan bidang ini di mana pendukungnya adalah Rasulullah s.a.w. itu sendiri sebagai tokoh pendidik.

Prinsip asas diterangkan dalam bab tiga di mana dihuraikan prinsip-prinsip pemikiran dan pandangan Islam terhadap insan sebagai makhluk yang *mukarram* (dimuliakan), berkemampuan untuk mempelajari ilmu pengetahuan serta pertanggungjawaban manusia di atas muka bumi. Pandangan Islam terhadap alam sejagat juga diutarakan untuk membuktikan bahawa keseluruhan makhluk tunduk dan patuh kepada khaliqnya. Pemikiran tentang kehidupan juga turut disentuh, begitu juga kesannya terhadap pengamalan dan pendidikan manusia. Diketengahkan juga prinsip-prinsip *taabbudiyah* dan kesan pendidikan ke atas konsep peribadatan, prinsip pensyariatannya dan kesannya kepada pendidikan akal fikiran dan akhlak. Selain itu, kepentingannya untuk menjaga *al-dhururiyyat al-khomsah* yang bererti lima keperluan asas turut diutarakan. Lima keperluan asas itu ialah menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga harta-benda, menjaga akal dan menjaga kehormatan zuriat dan keturunan.

Pendidikan yang didasari dengan rukun iman menjadi pemangkin kepada pembentukan nilai-nilai murni yang menjadi aspek terpenting dalam pendidikan Islam. Kewajaran bab ini dapat disaksikan melalui olahan bagaimana sistem pendidikan berkonsepkan kepada unsur ketauhidan bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Tidak dinafikan matlamat dan objektif pendidikan Islam juga adalah unsur penting.

Bab keempat menerangkan tentang matlamat dan objektif pendidikan Islam dari segi konsepnya dan bagaimana Islam merealisasikan di samping beberapa kritikan yang diberikan oleh penulis bagi membina jiwa, akal dan masyarakat.

Bab kelima membincangkan tentang medium pendidikan Islam yang menjadi pengantara kepada perkembangannya iaitu merangkumi keluarga, institusi pendidikan, masyarakat, ko-kurikulum sekolah dan metodologi pendidikan untuk memberikan pendekatan yang lebih efektif dan efisien bagi membimbing dan mendidik manusia ke arah mencapai kegemilangan dan kecemerlangan. Untuk memastikan keberkesanannya wajarlah keseluruhan medium ini digerakkan supaya wujud elemen bantu-membantu seperti *bunyan marsus*. Bab keenam menerangkan metodologi pendidikan Islam iaitu melalui kaedah dialog sebagaimana yang

diutarakan di dalam al-Quran dan al-Hadith, dan melalui penceritaan kisah-kisah al-Quran dan para nabi (*qasas al-Qurani dan al-Nabawi*). Selain daripada itu, kaedah pendidikan juga boleh dijalankan dengan cara memberikan perumpamaan, contoh kepimpinan (qudwah), amali, panduan dan nasihat serta dengan memberikan amaran dan galakan. Komponen ini merupakan satu kesinambungan pendidikan yang akan melahirkan impak yang memberangsangkan.

Jika diteliti keseluruhan kandungan dapatlah disimpulkan bahawa pendidikan Islam yang berkonsepkan al-Quran dan al-Sunnah mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Oleh itu, program pendidikan yang berteraskan pengabdian kepada Allah hendaklah dilaksanakan sebagai petunjuk dan motivasi yang mengarah kepada pemantapan akidah, pembentukan akhlak mulia dan pembersihan rohani dan jasmani. Dalam konteks ummah menuju kepada wawasan 2020, pemantapan sistem pendidikan berteraskan Islam hendaklah dijadikan sebagai asas penting di samping strategi yang lengkap dan pendekatan yang sempurna ke arah mencapai matlamat yang diimpikan.

Selain daripada itu, pendidikan Islam yang bersumberkan *masdar rabbani* (sumber Ilahi) juga dapat membantu dalam prospek membentuk nilai-nilai keperibadian yang luhur selain dapat mengangkat peradaban ummah. Penulis mengakui bahawa bagi mereka yang mencari alternatif kepada sistem pendidikan barat yang telah dipusakai sejak zaman penjajah sehingga kini, maka buku ini adalah salah satu jawapan dan rujukan yang dapat memenuhi keperluan sistem pendidikan yang semakin hilang hala tujunya.

Rosdi bin Yusof